

BAB 4
ANALISIS DATA
DAN
DAPATAN KAJIAN

BAB 4

ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Dalam bab ini pengkaji telah menganalisis data-data yang terkumpul melalui soalan soal selidik, data-data melalui soal-maklumat dan melalui pemerhatian semasa pengajaran guru. Pengkaji telah membahagikan analisis data dalam bab ini kepada dua bahagian utama yang saling melengkapi iaitu :

- i) Bahagian A - merangkumi soalan berkaitan dengan latar belakang sampel dan bagaimana faktor ini boleh mempengaruhi sampel meminati Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi (BAT dan BAK). Bahagian ini juga dibincangkan tentang saling tumpang tindih antara item-item bahasa Arab seperti kebolehan membaca, menulis, memahami, mendengar dan bercakap boleh mempengaruhi BAT dan BAK.
- b) Bahagian B - merupakan soalan yang memfokuskan kepada pengajaran guru terhadap mata pelajaran BAT dan BAK kesan daripada adanya latar belakang sampel yang telah digunakan oleh guru. Bahagian ini juga pengkaji akan membincangkan bagaimana pengajaran guru dalam menentukan keupayaan sampel menguasai BAT dan BAK. Data-data yang terkumpul dalam bahagian

ini berdasarkan kepada soal selidik daripada sampel, soal-maklumat secara lisan sampel dan melalui kaedah pemerhatian pengkaji terhadap pengajaran guru.

4.1 Latar Belakang Pelajar

Latar belakang pengajaran merupakan faktor yang boleh mempengaruhi keupayaan dan kebolehan pelajar untuk menguasai Bahasa Arab Tinggi (BAT) dan Bahasa Arab Komunikasi (BAK). Sampel yang dipilih adalah pelajar-pelajar Tingkatan 5. Penulis telah menyenaraikan sebanyak 8 soalan yang berkaitan dengan latar belakang diri dan keluarga. Tiga soalan berkaitan dengan minat pelajar terhadap BAT dan BAK. Kebanyakan sampel berasal daripada kampung iaitu seramai 34 orang (68%) dan 16 orang (32%) berasal daripada bandar.

Bilangan ini dapat dilihat pada jadual 1 di bawah:

Tempat	Bilangan	Peratus
Bandar	16	32.0
Kampung	32	68.0

Jadual 1 : Tempat tinggal sampel

Ditinjau pendidikan ibu bapa pula, keseluruhan sampel mempunyai bapa berpendidikan. Sebanyak 27 orang sampel (54%) mempunyai bapa berpendidikan sekolah menengah, 14 orang (28%) lulusan maktab/ kolej, 7

orang (14%) lulusan universiti dan 2 orang (4%) lulusan sekolah menengah. Manakala pendidikan ibu pula sebanyak 35 orang (70%) lulusan sekolah menengah, 10 orang (20%) lulusan sekolah rendah, 2 orang (4%) lulusan maktab dan 3 orang (6%) lulusan universiti. Senarai terperinci boleh dilihat dalam Jadual 2 di bawah:

Pendidikan	Bapa	%	Ibu	%	Penjaga (L)	%	Penjaga (P)	%
Tidak bersekolah	-	-	-	-	-	-	-	-
Sekolah rendah	2	4	10	20	-	-	-	-
Sekolah menengah	27	54	35	70	-	-	-	-
Maktab / kolej	14	28	2	4	-	-	-	-
Universiti	7	14	3	6	-	-	-	-

Jadual 2 : Pendidikan Ibu bapa / Penjaga

Berdasarkan kepada jadual 2 di atas keseluruhan ibu bapa sampel mempunyai latar pendidikan akademik dan ini mempengaruhi sampel terutama penekanan terhadap persekolahan dan peri pentingnya pendidikan untuk masa depan.

Pendidikan agama ibu bapa sampel pula sebahagian besarnya iaitu 28 orang (56%) bapa dan 37 orang (74%) ibu mempunyai latar belakang pendidikan sekolah menengah agama. Terdapat ibu (2%) tidak mempunyai pendidikan

agama. Pecahan keseluruhan latar belakang pendidikan agama ibu bapa sampel boleh dilihat kepada jadual 3 di bawah :

Pendidikan	Bapa		Ibu	
	BIL	%	BIL	%
Tidak ada pendidikan agama	-	00	1	02
Pondok	3	06	1	02
Sekolah Rendah Agama	4	08	7	14
Sekolah Menengah Agama	28	56	37	74
Maktab / Kolej Agama	9	18	1	02
Universiti	6	12	3	06
Jumlah	50	100	50	100

Jadual 3 : Pendidikan Agama Ibu

Berdasarkan kepada Jadual 3 di atas boleh dikatakan bahawa 99% ibu bapa sampel mempunyai latar belakang pendidikan agama. Latar belakang pendidikan agama ini telah menjadi faktor penting mengapa ibubapa memainkan peranan besar dalam memilih pendidikan anak-anak mereka lebih menjuruskan kepada aspek keagamaan. Pengkaji dapat membuat rumusan bahawa latar belakang keluarga sangat mempengaruhi pendidikan akademik mereka. Latar belakang pendidikan akademik dan pendidikan agama saling tumpang tindih dalam menentukan pendidikan anak-anak.

Selain daripada pengaruh ibu bapa dalam pendidikan minat juga boleh mempengaruhi pemilihan mata pelajaran sampel. Dapatan kajian data menunjukkan bahawa keseluruhan pelajar minat untuk mempelajari BAT dan BAK. Pecahan keseluruhan minat dapat dirujuk kepada jadual 4 di bawah :

Minat	Bahasa Arab Tinggi		Bahasa Arab Komunikasi	
	Bil	%	Bil	%
Sangat Berminat	4	08	6	12
Berminat	36	72	28	56
Kurang Berminat	10	20	16	32
Tidak Berminat	-	00	-	00
Jumlah	50	100	50	100

Jadual 4 : Minat Pelajar Terhadap Mata Pelajaran BAT dan BAK

Dapatan dalam Jadual di atas memperlihatkan sebanyak 36 orang (72%) minat BAT dan 28 orang (56%) minat BAK. Fakta ini menunjukkan penguasaan pelajar untuk menguasai kedua-dua bahasa Arab.

Berkaitan dengan minat, pengkaji mencuba untuk membandingkan keputusan PMR sampel dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Keputusan kajian boleh dirujuk kepada jadual 5 di bawah :

Selain daripada pengaruh ibu bapa dalam pendidikan minat juga boleh mempengaruhi pemilihan mata pelajaran sampel. Dapatan kajian data menunjukkan bahawa keseluruhan pelajar minat untuk mempelajari BAT dan BAK. Pecahan keseluruhan minat dapat dirujuk kepada jadual 4 di bawah :

Minat	Bahasa Arab Tinggi		Bahasa Arab Komunikasi	
	Bil	%	Bil	%
Sangat Berminat	4	08	6	12
Berminat	36	72	28	56
Kurang Berminat	10	20	16	32
Tidak Berminat	-	00	-	00
Jumlah	50	100	50	100

Jadual 4 : Minat Pelajar Terhadap Mata Pelajaran BAT dan BAK

Dapatan dalam Jadual di atas memperlihatkan sebanyak 36 orang (72%) minat BAT dan 28 orang (56%) minat BAK. Fakta ini menunjukkan penguasaan pelajar untuk menguasai kedua-dua bahasa Arab.

Berkaitan dengan minat, pengkaji mencuba untuk membandingkan keputusan PMR sampel dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Keputusan kajian boleh dirujuk kepada jadual 5 di bawah :

Bahasa	A	B	C	D	E	Jumlah
Bahasa Melayu	48	2	-	-	-	50
Bahasa Inggeris	10	24	12	4	-	50

Jadual 5 : Keputusan Peperiksaan PMR dalam Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris

Berdasarkan kepada jadual 5 di atas keseluruhan sampel boleh menguasai Bahasa Melayu dan tidak ketinggalan dalam Bahasa Inggeris. Berdasarkan bukti penguasaan kedua-dua bahasa di atas dan minat pelajar terhadap BAT dan BAK, pengkaji dapat simpulkan bahawa faktor minat dan dorongan untuk lulus dalam peperiksaan serta untuk melanjutkan pelajaran ke tahap lebih tinggi pelajar dapat menguasai ilmu BAT dan BAK. Kesungguhan dan minat sampel dapat dibuktikan melalui Jadual 6 di bawah:

Bahasa	Berminat	%	Terpaksa	%
Arab Tinggi	36	72	14	28
Arab Komunikasi	33	66	17	34

Jadual 6 : Pemilihan Mata Pelajaran

Berdasarkan kepada jadual 6 di atas 36 orang pelajar (72%) minat BAT dan 33 orang (66%) minat untuk menguasai BAK. Terdapat berbagai sebab

mengapa sampel minat terhadap BAT dan BAK. Antara sebabnya boleh dilihat seperti dalam Jadual 7 di bawah (Berdasarkan 3 pilihan utama)

	Minat Kerana	Bil	%
1	Mendalami Ugama	28	56
2	Memahami Quran	29	58
3	Sudah mengetahui sedikit Bahasa Arab	25	50
4	Boleh bertutur dalam Bahasa Arab	15	30
5	Melanjut Pelajaran	18	36
6	Mendapat Pekerjaan	5	10
7	Dorongan Keluarga	18	36
8	Lain-lain	-	-

Jadual 7 : Minat Sampel terhadap BAT dan BAK

Keseluruhan dapatan kajian Jadual 7 di atas jelas memperlihatkan bahawa minat untuk memahami Quran adalah tertinggi iaitu 29 orang (58%). Ini menunjukkan bahawa dengan mendalami agama seperti memahami bahasa Quran secara tidak langsung sampel akan dapat mendalami Agama. Oleh itu pilihan memahami agama mendapat kedua tertinggi iaitu 28 orang (56 %).

Faktor sudah mengetahui sedikit bahasa Arab, dan boleh bertutur dalam bahasa Arab menunjukkan faktor saling melengkapi minat pelajar terhadap BAT dan BAK. Pemilihan BAT dan BAK akan lebih memudahkan pelajar dalam menguasainya dan seharusnya dapat skor dalam peperiksaan. Faktor melanjutkan pelajaran dan dorongan keluarga masing-masing mendapat 18 orang (36%). Faktor ini berkaitan dengan minat pelajar untuk melanjut pelajaran ke tahap lebih tinggi dan pengaruh latar belakang pendidikan ibu bapa. Faktor mendapat pekerjaan merupakan faktor minat yang paling sedikit mendapat pemilihan iaitu 5 sampel (10%).

Pengkaji dapat membuat rumusan dalam pemilihan sampel untuk mempelajari BAT dan BAK adalah berdasarkan minat yang ada hubungkait dengan kegemaran dan didorong oleh latar belakang pendidikan ibu bapa mereka yang condong mendidik anak-anak mereka untuk mendalami agama Islam.

Pengkaji memfokus kajian terhadap pendidikan sampel peringkat sekolah rendah. Ini bertujuan mengetahui mengapakah pelajar minat terhadap BAT dan BAK. Keputusan data memperlihatkan bahawa 48 orang sampel (96%) berlatar belakang aliran Melayu dan cuma 2 orang sampel (4%) aliran Arab. Ini dapat dirujukkan kepada jadual 8 di bawah:

Aliran	Bil	%
Aliran Melayu	48	96
Aliran Arab	2	4
Aliran Separa Arab	-	-

Jadual 8 : Aliran Sekolah Rendah Sampel

Berdasarkan kepada Jadual 8 di atas jelas memperlihatkan bahawa kebanyakan sampel mendapat pendidikan bahasa Arab pada peringkat menengah rendah iaitu tingkatan 1 dan peralihan. Persoalan kenapa sampel begitu berminat dalam bahasa Arab sedangkan pada peringkat sekolah rendah sampel berpendidikan aliran Melayu. Ini dapat disokong oleh jadual 9 di bawah:

Aliran Keluarga	Bil	%
Bapa	15	30
Ibu	10	20
Kakak	17	34
Abang	8	16
Adik	1	2
Lain-lain	18	36

Jadual 9 : Kebolehan Ahli Keluarga Berbahasa Arab

Jadual di atas memperlihatkan kebolehan ahli keluarga berbahasa Arab. Sampel sangat berminat dalam mempelajari bahasa Arab kerana didorong oleh latar belakang keluarga. Berdasarkan Jadual 9 peranan ibu bapa sangat besar dalam mendidik anak-anak mereka untuk menguasai bahasa Arab. Ini terbukti peratusan kakak kanak-kanak dan abang adalah paling tinggi. Oleh itu walaupun sampel tidak mempunyai latar belakang pendidikan bahasa Arab, tetapi kerana faktor persekitaran keluarga telah menarik minat sampel untuk mempelajari bahasa Arab.

Satu lagi kenapa pelajar begitu berminat untuk memilih sekolah aliran Arab adalah berdasarkan kepada kecemerlangan pelajar di sekolah kerajaan. Ini memberi gambaran kepada sampel bahawa bahasa Arab adalah lebih senang untuk dikuasai berbandingkan dengan aliran Melayu dan ini ditambah lagi dorongan ahli keluarga yang sudah berjaya. Faktor ini boleh dilihat secara terperinci berdasarkan kepada jadual 10 di bawah :

Sebab Memilih	Bil	%
1. Ada mengajar bahasa Arab	32	64
2. Cemerlang	41	82
3. Dekat dengan rumah	2	4
4. Pilihan Keluarga	28	56

5. Tawaran Jabatan Pendidikan	-	-
6. Ada Asrama	2	4
7. Mendalami agama	31	62
8. Ada adik beradik	-	-
9. Mengikut kawan-kawan	2	2
10. Lain-lain	3	3

Jadual 10 : Pemilihan Sekolah Sekarang

Berdasarkan jadual, pengkaji dapat simpulkan bahawa minat dan pemilihan sekolah aliran Arab sebenarnya disebabkan oleh faktor kecemerlangan pencapaian sekolah berkenaan dalam pelajaran , pilihan keluarga dan untuk mendalami agama.

Setelah pengkaji membincangkan latar belakang sampel dan faktor yang menyebabkan timbulnya minat untuk mempelajari Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi , pengkaji telah mengemukakan soalan perbandingan antara Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Dapatkan daripada data yang terkumpul memperlihatkan terdapat perbezaan yang ketara dari segi kebolehan berbahasa, keseronokan belajar, pilihan untuk persediaan peperiksaan dan pencapaian markah terbaik dalam peperiksaan. Ditinjau daripada keseronokan belajar, dapatkan data menunjukkan bahawa terdapat 29 sampel

(58%) seronok belajar Bahasa Arab Tinggi dan 21 sampel (42%) seronok belajar Bahasa Arab Komunikasi. Data-data ini dapat dirujuk kepada jadual 11 di bawah.

Bahasa	Keseronokan	%
Bahasa Arab Tinggi	29	58
Bahasa Arab Komunikasi	21	42
Jumlah	50	100

Jadual 11 : Perbandingan keseronokan belajar antara dua bahasa Arab

Berdasarkan kepada jadual di atas, keseronokan untuk mempelajari Bahasa Arab Tinggi adalah lebih berbanding dengan Bahasa Arab Komunikasi. Pengkaji telah membuat soal-maklumat dengan pelajar, mendapati bahawa keseronokan ini timbul kerana Bahasa Arab Tinggi adalah lebih mudah untuk difahami, ditambah pula Bahasa Arab Tinggi merupakan bahasa untuk memahami al-Quran yang ada hubung kait dengan faktor minat pelajar untuk mendalami agama. Keseronokan untuk belajar dan minat untuk mendalami agama telah dibuktikan dengan minat sampel untuk membuat persediaan sebelum peperiksaan bermula berdasarkan kepada jadual 12 di bawah.

Persediaan	Bilangan	%
Bahasa Arab Tinggi	31	62
Bahasa Arab Komunikasi	19	38
Jumlah	50	100

Jadual 12 : Mata pelajaran menjadi pilihan untuk dibuat persediaan sebelum peperiksaan

Dapatan data menunjukkan bahawa 31 sampel (62%) lebih memberi penumpuan kepada Bahasa Arab Tinggi berbanding dengan 19 sampel (38%) menumpu kepada Bahasa Arab Komunikasi. Soal-maklumat dibuat kepada sampel menunjukkan bahawa sebenarnya tumpuan lebih diberi kepada Bahasa Arab Tinggi kerana ianya agak lebih mudah untuk skor dalam peperiksaan ditambah pula ianya berbentuk hafalan bahasa-bahasa al-Quran dan skop untuk soalan adalah lebih sempit berbanding dengan Bahasa Arab Komunikasi.

Berkaitan dengan keseronokan untuk belajar dan penumpuan yang lebih diberikan oleh sampel, maka keputusan peperiksaan dalam markah jelas pengkaji dapati melalui data menunjukkan Bahasa Arab Tinggi mengatasi Bahasa Arab Komunikasi. Data pemarkahan dapat dilihat seperti jadual 13 di bawah.

Keputusan	Bilangan	%
Bahasa Arab Tinggi	26	52
Bahasa Arab Komunikasi	24	48
Jumlah	50	100

Jadual 13: Markah terbaik dalam peperiksaan antara dua mata pelajaran Bahasa Arab

Berdasarkan kepada jadual 13, pengkaji dapat rumuskan bahawa pencapaian markah Bahasa Arab Tinggi mengatasi Bahasa Arab Komunikasi sebanyak 2%. Ini menunjukkan bahawa pencapaian sampel dalam dua bahasa ini adalah hampir sama tetapi perbezaan wujud disebabkan oleh minat dan keseronokan serta tumpuan lebih diberikan kepada Bahasa Arab Tinggi. Dapatan daripada soal maklumat juga, pengkaji mendapati bahawa sebenarnya sampel berkebolehan menguasai bahasa dan keputusan pemarkahan menggambarkan bahawa sekiranya keseimbangan wujud dalam memberi tumpuan sebelum peperiksaan maka pencapaian Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi akan menjadi sama.

Akhir sekali pengkaji mengemukakan untuk menilai secara terperinci kebolehan sampel menguasai Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Data-data terkumpul boleh dirujuk kepada jadual 14 di bawah.

Kebolehan	Bahasa Arab Tinggi						Bahasa Arab Komunikasi					
	Baik	%	Sederhana	%	Lemah	%	Baik	%	Sederhana	%	Lemah	%
1. Membaca	15	30	35	70	-	-	15	50	35	70	-	-
2. Menulis	10	20	33	66	7	14	10	20	33	66	7	14
3. Memahami	1	2	30	60	19	38	1	2	33	66	6	12
4. Mendengar	14	28	32	64	4	8	14	28	32	64	4	8
5. Bertutur	1	2	30	60	19	38	1	2	30	60	19	38

Jadual 14 : Kebolehan pelajar berbahasa Arab

Berdasarkan kepada jadual 14 di atas pengkaji telah membuat perbandingan 5 item berkenaan kebolehan sampel menguasai Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Memandangkan banyak item yang perlu dibincangkan pengkaji membuat pecahan setiap item kepada tajuk-tajuk kecil.

4.1.1 Membaca

Data yang terkumpul memperlihatkan bahawa kebolehan sampel membaca dalam bahasa Arab, baik Bahasa Arab Tinggi mahu pun Bahasa Arab Komunikasi. Ini menunjukkan bahawa sampel tidak buta huruf bahasa Arab dan segala pembelajaran selama tingkatan 1 - 5 adalah berjaya. Pecahan setiap kategori ialah 15 sampel (30%) dapat membaca dengan baik, dan 35 sampel (70%) dapat membaca dengan sederhana lancar.

4.1.2 Menulis

Data yang terkumpul juga memperlihatkan bahawa berlaku persamaan data antara Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Hampir keseluruhan sampel iaitu 43 orang (86%) dapat menulis dalam bahasa Arab berbanding dengan 7 orang (14%) lemah dalam penulisan. Keupayaan dalam penulisan ini akan memberi kesan semerta kepada pencapaian sampel dalam peperiksaan kerana semua jawapan adalah dalam bentuk penulisan.

4.1.3 Memahami

Hampir 62% pelajar dapat memahami dan 38% lemah untuk memahami Bahasa Arab Tinggi. Keadaan ini menunjukkan perbezaan dengan pemahaman Bahasa Arab Komunikasi yang mana 68% memahami dan 12% lemah. Perbandingan antara dua bahasa memperlihatkan bahawa sampel lebih memahami Bahasa Arab Komunikasi walaupun keputusan peperiksaan dan minat terhadap Bahasa Arab Tinggi di kalangan sampel bertambah. Soal-maklumat daripada sampel, pengkaji dapat merumuskan bahawa memang diakui bahawa sampel meminati Bahasa Arab Tinggi tetapi keseluruhan pemahaman dalam pertuturan, sampel lebih memahami Bahasa Arab Komunikasi kerana dalam Bahasa Arab Komunikasi ianya banyak menggunakan perkataan-perkataan yang mudah difahami. Manakala Bahasa Arab Tinggi ianya terikat

kepada bahasa Al-Quran dan perlu kepada hafalan dan pemahaman dalam konteks ayat al-Quran.

4.1.4 Mendengar dan bertutur.

Data-data terkumpul memperlihatkan bahawa adanya persamaan antara Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Rumusan yang dapat pengkaji lakukan ialah kesemua sampel boleh mendengar dengan baik. Ketepatan penggunaan perkataan bahasa Arab dan seterusnya boleh bertutur sesama mereka. Data memperlihatkan bahawa 62% sampel boleh mendengar dan bertutur bahasa Arab berbanding dengan 38% lemah.

Keseluruhan data-data yang diperolehi daripada jadual 14 dapat pengkaji jelaskan bahawa kesemua item yang ditanya dalam soalan adalah saling tumpang tindih atau saling melengkapi antara satu sama lain dalam menentukan keupayaan sampel menguasai salah satu daripada 5 item tersebut akan memberi kesan semerta kepada penguasaan dan pencapaian dalam peperiksaan Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi.

4.2 Perbandingan Pengajaran Bahas Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi.

Penulis telah membincangkan secara panjang lebar bagaimana latar belakang sampel boleh mempengaruhi penguasaan Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Pengaruh latar belakang sampel dapat pengkaji katakan sebagai faktor dalaman dalam diri sampel yang membolehkan mereka menguasai Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Faktor ini juga memainkan peranan yang besar terhadap penerimaan pengajaran guru dan boleh memberi kesan atau pilihan kepada guru untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran bagi mendapat hasil semaksima mungkin.

Melalui jawapan sampel, dapat pengkaji perkatakan bahawa pihak sekolah telah menetapkan masing-masing seorang guru mengajar Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Kekurangan bilangan guru dalam mengajar Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi akan mendatangkan masalah kepada pengajaran guru. Masalah yang ketara akan dihadapi ialah berkurangnya tempat guru berbincang dan bertukar fikiran bagi melahirkan kaedah dan mutu pengajaran yang lebih berkesan. Guru juga akan menghadapi masalah dalam pengurusan pengajaran terutama dalam penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dan cara kendaliannya.

Dalam konteks untuk menjelaskan perbandingan pengajaran dalam Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi, pengkaji tidak mengemukakan perbandingan penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM). Pengkaji telah menyenaraikan 9 item utama BBM termasuk lain-lain alat yang digunakan. Data-data terperinci dalam penggunaan BBM boleh dirujuk kepada jadual 15 di bawah.

ALAT	Bahasa Arab Tinggi						Bahasa Arab Komunikasi					
	A*	%	B*	%	C*	%	A*	%	B*	%	C*	%
Papan Hitam	50	100	-	-	-	-	50	100	-	-	-	-
Buku Teks	18	36	32	64	-	-	-	-	14	28	36	72
Carta	-	-	8	16	-	-	-	-	9	18	41	82
Surat Khabar	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	50	100
Gambar	-	-	9	18	42	84	-	-	9	18	41	82
Pita Rakaman	-	-	-	-	50	100	-	-	-	-	50	100
Makmal Bahasa	1	2	10	20	39	78	-	-	9	18	41	82
Video	-	-	6	12	44	88	-	-	6	12	44	88
Kamus	26	52	24	48	-	-	-	-	24	48	26	52
Lain-lain	4	8	10	20	36	72	4	8	10	20	36	72
Nyatakan												

Nota : A* - Selalu

B* - Kadang-kadang

C* - Tidak Pernah

Jadual 15 : Alatan digunakan semasa mengaja bahasa Arab Tinggi dan bahasa Arab Komunikasi

Berdasarkan kepada jadual di atas, memperlihatkan jenis Bahan Bantu Mengajar yang telah digunakan oleh guru semasa mengajar Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Memandangkan banyak item yang hendak dihuraikan, pengkaji memecahkan setiap item kepada tajuk-tajuk kecil.

4.2.1 Penggunaan Papan Hitam.

Bahan Bantu Mengajar ini merupakan alat yang paling popular di kalangan guru yang mengajar Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Berdasarkan kepada penggunaannya mencapai 100%, dapat pengkaji jelaskan bahawa alat ini merupakan Bahan Bantu Mengajar paling berkesan dalam pengajaran guru untuk menyampaikan ilmu Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Penggunaan Bahan Bantu Mengajar ini juga dapat pengkaji simpulkan bahawa ianya merupakan alat yang mudah dan tidak memerlukan persediaan semasa proses pengajaran berlaku.

4.2.2 Penggunaan Buku Teks.

Data terkumpul memperlihatkan bahawa terdapat perbezaan yang agak besar dalam pengajaran guru antara Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Penggunaan buku teks oleh guru dalam pengajaran Bahasa Arab

Komunikasi ialah 28% kadang-kadang dan 72% tidak pernah, manakala Bahasa Arab Tinggi 36% selalu dan 64% kadang-kadang. Berdasarkan soal-maklumat daripada pelajar dan guru, perbezaan yang timbul dapat pengkaji rumuskan bahawa mengapa terdapat perbezaan penggunaan buku teks dalam pengajaran Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi ialah:

- a) Bahasa Arab Tinggi merupakan mata pelajaran yang menjuruskan kepada teks al-Quran maka tanpa buku teks yang dilengkapi dengan ayat-ayat al-Quran maka pengajaran tidak dapat berjalan dengan sempurna.
- b) Bahasa Arab Komunikasi tidak begitu terikat dengan buku teks kerana ianya mata pelajaran berbentuk komunikasi, oleh itu guru mengambil inisiatif lain seperti papan hitam untuk melancarkan pengajarannya.

4.2.3 Penggunaan Carta .

Berdasarkan kepada data, jelas memperlihatkan bahawa kedua-dua guru yang mengajar bahasa Arab tidak selalu menggunakan

carta. Perbandingan yang telah dilakukan menunjukkan tidak ada perbezaan yang ketara antara Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi . Hanya 18% guru Bahasa Arab Komunikasi dan 16% guru Bahasa Arab Tinggi kadang-kadang menggunakan carta semasa pengajaran. Bagi membuktikan lagi ketepatan soal selidik ini, pengkaji telah melakukan pemerhatian semasa pengajaran guru Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Dapatan daripada pemerhatian menunjukkan terdapat persamaan dengan apa yang diberikan oleh sampel bahawa guru jarang menggunakan carta semasa pengajaran. Alasan yang diberikan melalui soal-maklumat pengkaji dengan guru terlibat ialah :

- a) Penggunaan carta agak menyusahkan dan ianya kurang sesuai dengan kaedah Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi.
- b) Penggunaan papan hitam adalah lebih menyenangkan kerana ianya lebih besar dan tidak memerlukan tenaga untuk membawanya setiap kali proses pengajaran hendak dimulakan berbanding dengan carta yang memerlukan masa untuk menyiapkannya dan perlu membawa setiap kali pengajaran hendak dilakukan .

4.2.4 Penggunaan Surat khabar dan Pita Rakaman .

Kedua-dua pengajaran Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi mengikut soal selidik daripada sampel memperlihatkan bahawa guru tidak pernah menggunakan BBM surat khabar dan pita rakaman semasa pengajarannya. Melalui soal-maklumat pengkaji dengan guru , beberapa sebab telah dikemukakan oleh guru-guru tersebut kenapa mereka tidak menggunakan BBM ini semasa pengajarannya. Antara alasan yang dapat pengkaji kumpulkan ialah :

- a) Terdapat kekangan untuk mendapatkan akhbar dalam bahasa Arab terutama dalam pengajaran Bahasa Arab Komunikasi .
- b) Fokus utama pengajaran ialah untuk membolehkan pelajar lulus dan skor dalam peperiksaan, oleh itu penggunaan akhbar dan pita rakaman tidak begitu sesuai kerana ianya memerlukan banyak masa dan guru bimbang ianya gagal untuk menghabiskan sukanan pelajaran .
- c) Penggunaan papan hitam dan BBM lain adalah lebih mudah dan lebih berkesan dalam memberi ilmu kepada sampel .

- d Memerlukan persediaan yang serius terutama dalam mendapatkan pita rakaman serta bahan-bahan yang hendak diperdengarkan kepada pelajar .

4.2.5 Penggunaan Gambar

Sampel telah menjelaskan bahawa guru hanya kadang-kadang menggunakan gambar semasa pengajarannya. Kedua-dua matapelajaran bahasa Arab memperlihatkan data yang sama iaitu 18% kadang-kadang dan 82% tidak pernah guru menggunakan gambar semasa pengajarannya. Mengikut soal-maklumat daripada sampel dan guru dapat pengkaji rumuskan bahawa alasan yang diberi mempunyai satu motif yang saling melengkap antara guru dan sampel. Motif utama penggunaan gambar semasa pengajaran ialah untuk menghilangkan rasa bosan semasa guru mengajar dan seterusnya sampel dapat memberi tumpuan yang lebih .

4.2.6 Penggunaan Makmal Bahasa

Makmal Bahasa merupakan satu alat atau tempat sampel mendalami ilmu . Dapatan data menunjukkan bahawa terdapat perbezaan guru menggunakan makmal bahasa semasa mengajar Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa

Arab Komunikasi. Guru Menggunakan makmal bahasa bagi mengajar Bahasa Arab Komunikasi ialah 18% dan Bahasa Arab Tinggi 22%. Penggunaan makmal bahasa ini penting dalam menguasai Bahasa Arab Komunikasi dan Bahasa Arab Tinggi. Kesimpulan yang dapat pengkaji simpulkan ialah rata-rata guru tidak berminat untuk menggunakan makmal bahasa kerana tidak sampai separuh kemudahan ini digunakan semasa pengajaran.

4.2.7. Penggunaan Video.

Penggunaan video iaitu BBM yang agak rumit sedikit berbanding dengan alat lain. Dapatan data daripada sampel memperlihatkan data adalah sama antara Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Hanya 12% daripada sampel memberi maklumat guru menggunakan video selebihnya 88% sampel memberi maklumat guru tidak pernah. Hanya beberapa kes tertentu seperti menayangkan drama dan cerita yang berkisar dalam masyarakat arab telah dipertontonkan kepada sampel. Kekangan utama mengapakah kurangnya penggunaan video mengikut soal-maklumat pengkaji dengan guru ialah masalah kekurangan bahan dan kekurangan bilik tayangan terutama terpaksa bersaing dengan mata pelajaran lain.

4.2.8. Penggunaan Kamus.

Keseluruhan maklumat yang terkumpul melalui soal selidik mendapati bahawa guru kerap menggunakan kamus semasa mengajar Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Perbandingan antara bahasa mendapati bahawa Bahasa Arab Tinggi paling kerap menggunakan kamus iaitu 52% berbanding dengan 48%. Penggunaan kamus begitu diambil berat kerana mengikut soal-maklumat daripada pelajar, semua pelajar dikehendaki memiliki sebuah kamus bagi memantapkan dan melancarkan lagi proses pembelajaran. Boleh dikatakan bahawa setiap kali proses pengajaran berjalan, beberapa perkataan baru ditemui. Penemuan perkataan baru ini memerlukan kamus untuk mengetahui maknanya.

Mengikut guru pula, pengkaji dapat simpulkan bahawa penggunaan kamus ini memberi kesan terbaik kepada pelajar dalam mendalami ilmu pengetahuan terutama dalam Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Penggunaan kamus dalam pengajaran Bahasa Arab Tinggi lebih kerap kerana rata-rata pelajar menghadapi masalah untuk memahami bahasa al-Quran. Oleh itu, penggunaan kamus dapat menjelaskan secara jelas perkataan dan semantik ayat berbanding dengan Bahasa Arab Komunikasi yang agak lebih mudah untuk difahami perkataan dan ayat-ayatnya.

4.2.9. Penggunaan Bahan Bantuan Mengajar lain.

Selain daripada yang tersenarai di atas, pengkaji juga dapat mengumpulkan BBM lain yang diperlukan oleh sampel dalam menarik minat mereka untuk mempelajari Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. BBM ini tidak pernah digunakan oleh guru mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Antara BBM yang telah dicadangkan ialah:

- a) Menggunakan perakam dan merakam pembacaan sampel serta membuat analisis makna perkataan. Selain itu perakam juga boleh digunakan untuk menganalisiskan kelemahan sampel dalam pembacaan.
- b) Menggunakan bahan-bahan fotostat untuk mengemas lagi proses pengajaran.
- c) Memberi tugasan kepada sampel dan membentang dalam kelas.
- d) Menggunakan kaedah pelbagai dalam pengajaran seperti lakonan , perbualan, bercerita dan bersajak.
- e) Menggunakan komputer.

- f) Memperbanyak carta grafik seperti peta minda.
 - g) Menggunakan majalah, kartun dan cerita ringkas.
 - h) Menggunakan lirik-lirik lagu yang senang difahami.

4.3. Perbandingan Cara Guru Mengajar Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi.

Dalam bahagian ini, pengkaji telah menyenaraikan sebanyak 13 cara guru mengajar . Dapatan daripada soal-selidik dirujuk kepada jadual dibawah :

Hasil Kerja

TP - Tidal-Peacock

Jadual 16 : Cara Guru Mengajar Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi

Berdasarkan kepada jadual di atas, pengkaji dapat simpulkan bahawa walaupun sebanyak 13 cara pengajaran guru disenaraikan secara berasingan tetapi sebenarnya ianya berlaku secara tumpang tindih antara setiap cara . Data yang terkumpul ini merupakan pandangan pelajar dalam menilai bentuk pengajaran guru mereka dalam Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi.

Berdasarkan kepada data-data yang terkumpul jelas menunjukkan bahawa terdapat tiga cara yang selalu digunakan oleh guru semasa mengajar Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi yang secara kebetulan mempunyai persamaan antara dua bahasa iaitu :

- a) Guru menggalakkan sampel menggunakan kamus iaitu 80% selalu dan 20% kadang-kadang .
- b) Guru mengajar sedikit atau beransur-ansur sampai sampel saham 80% selalu dan 20% kadang-kadang .
- c) Pengajaran guru lebih kepada syarahan iaitu 66% selalu 26% kadang-kadang .

Manakala cara yang jarang sekali digunakan oleh guru semasa mengajar Bahasa Arab Komunikasi ialah :

- a) Tidak menggalakkan pelajar membentang hasil kerja 100% .
- b) Tidak membawa sampel keluar kelas 98% .
- c) Guru mengajar secara hafalan 42% .
- d) Guru banyak duduk sahaja di meja guru iaitu 86% .

Secara keseluruhan daripada 13 cara yang telah disenaraikan hanya terdapat 4 cara yang berbeza antara cara pengajaran Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi.

Antara perbezaan yang dapat pengkaji bandingkan ialah hampir 100% sampel memberi maklum balas bahawa guru yang mengajar Bahasa Arab Tinggi menggunakan kaedah syarahan berbanding dengan 88% dalam pengajaran Bahasa Arab Komunikasi. Dari segi aktiviti dalam kelas pula sebanyak 90% guru yang mengajar Bahasa Arab Komunikasi melebihkan aktiviti dalam kelas berbanding dengan 86% dalam pengajaran Bahasa Arab Tinggi. Kebanyakan sampel memberi maklum balas bahawa guru mereka mengajar Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi secara bercerita. Perbezaan cara ini, semasa pengajaran guru antara Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi terletak kepada peratusnya iaitu 78% untuk Bahasa Arab Tinggi dan 92% untuk Bahasa Arab Komunikasi. Akhir sekali, cara mengajar menggunakan kaedah menyoal, rata-rata sampel 100% menjelaskan bahawa guru menggunakan

cara ini. Perbezaan antara Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi dari segi kekerapannya. Sebanyak 40% sampel memberi maklum balas guru selalu melakukan penyoalan berbanding dengan 60% kadang-kadang melakukan penyoalan . Manakala pengajaran Bahasa Arab Tinggi pula sampel memberi maklum balas 30% guru selalu membuat penyoalan berbanding dengan 70% kadang-kadang melakukan penyoalan semasa pengajarannya .

Kesimpulan yang dapat pengkaji simpulkan berdasarkan kepada cara pengajaran guru melalui jadual 16 ialah, keseluruhan cara pengajaran guru antara Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi sebenarnya adalah hampir sama kecuali kepada 4 cara seperti yang dibincangkan di atas .

Perbezaan ini bukanlah secara total tetapi hanya berbeza dari segi kekerapan penggunaannya. Perbandingan pengajaran Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi mengikut tanggapan pengkaji adalah terletak kepada penggunaan BBM seperti dalam jadual 15. Kesimpulan yang pengkaji lakukan disokong oleh keputusan peperiksaan pada tahun 1995 dan 1996 yang memperlihatkan tidak jauh perbezaan pencapaian peratus kelulusan. Ini dapat dilihat seperti jadual 17 di bawah:

TAHUN	Bahasa Arab Tinggi	Bahasa Arab Komunikasi
1995	96.1	100
1996	98.4	99.0

Jadual 17 : Perbandingan Keputusan Peperiksaan SPM Mata Pelajaran Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi

4.4 Perbandingan Penggunaan Bahasa Semasa Mengajar .

Bahasa yang digunakan semasa pengajaran boleh mempengaruhi keupayaan sampel menguasai Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Sebanyak empat item telah dikemukakan kepada sampel. Penggunaan bahasa semasa pengajaran guru boleh dirujuk kepada jadual 18 di bawah :

Bahasa digunakan	Bahasa Arab Tinggi		Bahasa Arab Komunikasi	
	Bil	%	Bil	%
a. Bahasa Arab Sepenuhnya	26	52	25	50
b. Lebih kerap menggunakan Bahasa Melayu	17	34	16	32
c. Lebih kerap menggunakan Bahasa Inggeris	-	-	-	-
d. Capuran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris	7	14	9	18

Jadual 18 : Penggunaan Bahasa Semasa Mengajar

Berdasarkan kepada jadual 18 di atas, memperlihatkan bahawa rata-rata calon memberi maklum balas bahawa terdapat tiga daripada empat item telah digunakan oleh guru semasa mengajar Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Memandangkan tempat kajian sampel merupakan sekolah beraliran Arab adalah menepati bahawa kebanyakan pengajaran guru menggunakan bahasa Arab sepenuhnya. Terdapat sedikit perbezaan antara Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi dalam penggunaan bahasa Arab. Berdasarkan kepada data pengajaran guru dalam Bahasa Arab Tinggi 52% menggunakan bahasa Arab sepenuhnya berbanding 50% Bahasa Arab Komunikasi .

Penggunaan bahasa Melayu juga merupakan cara pengajaran yang sering digunakan oleh guru. Dapatan data menunjukkan bahawa sebanyak 34% sampel memberi maklum balas guru mengajar Bahasa Arab Tinggi menggunakan karya bahasa Melayu berbanding dengan 32% Bahasa Arab Komunikasi. Sampel tidak memberi sebarang maklum balas tentang penggunaan bahasa Inggeris bermakna penggunaan bahasa Inggeris secara tulen tidak berlaku semasa pengajaran guru dalam Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi sebaliknya kekerapan guru menggunakan campuran bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris semasa pengajaran sampel memberi maklum balas 14% untuk Bahasa Arab Tinggi dan 18% untuk Bahasa Arab Komunikasi.

Berdasarkan kepada data-data yang telah dianalisis melalui jadual 18, dapat pengkaji simpulkan bahawa penggunaan bahasa dalam empat item yang disenaraikan menjelaskan bahawa Bahasa Arab Tinggi mengatasi Bahasa Arab Komunikasi terutama penggunaan bahasa Arab sepenuhnya dan penggunaan bahasa Melayu . Dapatan melalui soal-maklumat pengkaji dengan guru yang mengajar bahawa Bahasa Arab Tinggi lebih condong kepada bahasa Arab sepenuhnya kerana ianya banyak menggunakan ayat-ayat Al-Quran sebagai bahan pengajarannya. Yang jelas dan penting sekali dapat pengkaji perjelaskan bahawa penggunaan bahasa Arab dan bahasa Melayu secara tumpang tindih semasa pengajaran Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi adalah merupakan cara yang paling berkesan untuk sampel menguasai bahasa Arab. Kesimpulan ini dilakukan berdasarkan soal-maklumat pengkaji dengan pelajar menunjukkan bahawa pengajaran guru adalah berkesan dengan menggunakan bahasa Arab dan bahasa Melayu. Ini juga disokong oleh data yang menunjukkan bahawa 84% Bahasa Arab Tinggi dan 82% Bahasa Arab Komunikasi sampel memberi maklum balas penggunaan bahasa semasa pengajaran guru .

Melalui bab ini dapat pengkaji perjelaskan bahawa latar belakang keluarga atau lebih dikenali persekitaran dan latar belakang diri sampel amat mempengaruhi keupayaan dan kebolehan pelajar menguasai Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi . Berdasarkan kepada kebolehan sampel yang ditinjau melalui latar belakang keluarga dan diri sampel tidak mempengaruhi

guru dalam melaksanakan cara pendekatan yang paling sesuai untuk diperaktikkan. Dapatan daripada analisis data-data yang terkumpul melalui soalan soal selidik dan melalui soal maklumat daripada sampel dan guru yang mengajar dapat pengkaji simpulkan bahawa tidak jauh perbezaan wujud dalam bentuk pengajaran Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Perbezaan yang agak besar sedikit ialah melalui penggunaan BBM semasa pengajaran guru. Perbezaan ini timbul hanya peringkat perlaksanaanya terutama dari segi kekerapannya.